


KEPIMPINAN PENGETUA SEBAGAI AGEN PERUBAHAN
DI SEBUAH SEKOLAH DI KELANTAN

HAZURA BT WAN HUSAIN

INSTITUT PENGAJIAN KEPENGETUAAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

JULAI 2009



122201

122201

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat kepimpinan pengetua sebagai agen perubahan di sekolah. Ia dijalankan bagi mengenal pasti kerangka perubahan yang disediakan oleh seorang bekas pengetua yang dijadikan subjek kajian untuk sekolahnya. Ia dijalankan bagi menjawab persoalan mengenai (1) bentuk persediaan sekolah dalam menerima perubahan yang dilakukan oleh pemimpin sekolah; dan (2) cara pengetua menggalakkan staf sekolah untuk turut melibatkan diri dan menerima perubahan yang berlaku. Dua teknik utama iaitu temu bual dan bukti dokumen digunakan untuk mengutip dan mengumpul data. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan sepuluh soalan temu bual semi struktur untuk mengumpul data kualitatif daripada responden kajian. Informan terdiri daripada seorang bekas pengetua sebagai *key indicator* dan dua orang pembantu pentadbir iaitu seorang PK HEM dan seorang kaunselor yang pernah berkhidmat bersama beliau. Keputusan analisis menunjukkan bahawa dapatan kajian memberi implikasi bahawa warga sekolah kajian mampu berubah dan merubah diri dari segi cara bekerja dengan berpanduan kepada kualiti proses (TQM) sebagai standard yang akhirnya akan mewujudkan sekolah sebagai *thinking school*, *learning school* dan *creating school*.